

22/06/2002

Puteri perlu buktikan keikhlasan berjuang

Munaarfah Abu Bakar

PERGERAKAN Puteri Umno kini sah menjadi sayap baru parti Melayu terunggul di negara ini yang mensasarkan keahliannya di kalangan 4.7 juta wanita Melayu muda dari pelbagai latar belakang.

Pada awal penubuhan peringkat jawatankuasa penaja, Puteri terpaksa berdepan pelbagai cabaran ekoran keghairahan pihak yang mencadangkan penubuhannya melalui pembentangan kertas kerja penubuhan pergerakan itu yang dilihat cukup kontroversi.

Tidak dinafikan dalam keghairahan dan `keterlanjuran' kata-kata Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said, dalam meyakinkan kepemimpinan Umno bagi mewujudkan Puteri Umno, beliau tanpa bermaksud `terpijak' kaki entiti lain sehingga menimbulkan kegoyahan dalam parti.

Pergerakan Wanita yang selama ini menjadi tulang belakang kepada jentera pilihan raya parti setiap kali pilihan raya, berasa dipinggirkan apabila ada dakwaan yang mengatakan pakej yang ada pada sayap kanan itu tidak lagi berjaya menarik minat wanita Melayu muda menyertainya.

Tindakan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dilihat tergesa-gesa meluluskan kewujudan peringkat penaja Puteri, tidak boleh dipertikaikan.

Tentu sekali segala tindakan yang diambil oleh pucuk pimpinan parti ketika itu sudah dibuat melalui pertimbangan yang mengambil kira perubahan sosio dan geo-politik yang berlaku pada masyarakat Melayu serta persepsi mereka terhadap Umno pada 1998.

Kegawatan kepemimpinan politik yang berlaku dalam Umno dan masyarakat Melayu sehingga membawa perpecahan besar di kalangan ahli Umno sendiri, sebenarnya satu hikmah yang mengubah nasib wanita Melayu di negara ini.

Tidak dinafikan, ekoran itu berlaku satu anjakan paradigma kerajaan dalam melihat dan mengakui hakikat bahawa wanita di Malaysia, khususnya wanita Melayu, berfungsi besar dalam membawa arus pembangunan dan kepemimpinan pada masa depan.

Barisan Exco Puteri Umno juga hingga kini berjaya mengatasi badai yang melanda apabila pada awal penubuhan peringkat jawatankuasanya, timbul sedikit `kekecohan' berikutan peletakan jawatan beberapa Exconya, termasuk pengunduran penghibur, Era Fazira; bekas Ketua Penerangannya, Mastina Abdul Hamid; pelakon, Erma Fatima serta kedudukan status ahli Exconya yang juga wartawan Utusan Malaysia, Siti Rohayah Attan.

Begitupun, segala cabaran dan pertelingkahan sesama entiti dalam Umno di atas pembentukan peringkat jawatankuasa penaja dan seterusnya penubuhan Puteri Umno dapat diselesaikan melalui kebijaksanaan dan pengalaman yang cukup luas oleh Presiden dan Timbalan Presiden parti.

Puteri Umno baru saja berusia dua hari dan kali pertama melihat perwakilan Puteri (ketika itu masih lagi pada peringkat jawatankuasa penaja) menyampaikan buah fikiran masing-masing ketika konvensyen pertama dan juga terakhir mereka pada 18 Jun lalu, menunjukkan ahli pergerakan itu berpotensi besar untuk pergi jauh dalam kepemimpinan Umno.

Walaupun tajuk perbahasan pada konvensyen itu tidak menyentuh tiga isu utama sosial dan agama serta pendidikan, kupasan pembentang kertas kerja mengenai hala tuju perjuangan Puteri Umno, sejarah dan kesinambungan survival bangsa serta fungsi politik wanita muda dari perspektif Islam, adalah tajuk yang relevan dan penting.

Secara tidak langsung, tiga kertas kerja itu memberi peluang kepada pembentang dan pembahasnya mengupas secara menyeluruh tiga isu penting

yang sebelum ini hanya dibahaskan oleh perwakilan Umno selain pergerakan Wanita dan Pemuda.

Majoriti pembahas, walaupun tidak berpengalaman, berupaya menyampaikan ucapan mereka dengan jelas dan teliti. Idea mereka jelas sampai kepada perwakilan dan pemerhati Puteri Umno yang hadir pada konvensyen itu.

Selain membahaskan tajuk kertas kerja yang dibentangkan pada konvensyen itu, perwakilan dan pemerhati pergerakan Puteri yang hadir turut diberi taklimat mengenai peraturan serta keahlian sayap baru itu bagi persediaan mengadakan mesyuarat untuk pemilihan peringkat jawatankuasa cawangan, bahagian dan seterusnya Exco jawatankuasa Puteri akhir tahun ini.

Hujah berapi-api Azalina dalam ucapan dasar konvensyen dilihat cukup membakar semangat ahli, begitu juga kepetahan berkata-kata sebahagian pembahas perlu dibuktikan juga dari segi komitmen dan kesungguhan ahli Puteri dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap parti.

Adakalanya lebih baik kurang bercakap dan lebih banyak bekerja. Buktikan dulu Puteri Umno boleh melaksanakan komitmen mereka terhadap parti melalui amalan politik bersih pada pemilihan yang bakal diadakan pada peringkat cawangan dan bahagian yang bakal diadakan pada Julai dan Ogos ini.

Jika komitmen dan tanggungjawab ahli Puteri dinilai melalui gandingan kerja `gerak gempur' atau kerja meraih undi yang sebelum ini hanya dilakukan Pemuda dan Wanita, komitmen mereka kali ini perlu datang daripada keikhlasan mereka memperjuangkan politik melalui politik bersih yang menolak budaya sogokan.

Seperti kata Azalina dalam ucapan dasarnya, ahli Puteri perlu mengelak `diperkuda' oleh pihak lain, termasuk di kalangan ahli Umno sendiri.

Puteri perlu bergerak dalam acuan mereka dengan mengamalkan kod etika politik bersih dan tidak berfungsi mengikut telunjuk orang lain semata-mata.

(END)